

03 AUG 2000

Najib-Prosper/I

PROSPER: HASIL DIALOG ANTARA PM DAN ANGKATAN TENTERA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Prosper atau Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan yang diperkenalkan semalam, adalah hasil dialog antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan para pegawai angkatan tentera, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Semasa dialog itu, mereka memberitahu Perdana Menteri bahawa terdapat empat faktor yang menghalang usaha untuk membuka perniagaan, dan skim baru itu telah mewujudkan kaedah bagi menangani masalah ini," katanya selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 100 kakitangan kementerian berkenaan di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Hashim Meon dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin.

Najib berkata empat faktor itu ialah kekurangan modal, tempat yang terhad untuk menjalankan perniagaan, rangkaian yang terhad dan kesukaran mendapatkan pinjaman.

"Skim itu sangat menarik dan kami harap para pegawai pasukan akan menggunakannya untuk manfaat mereka bagi meningkatkan status sosio-ekonomi," katanya.

Tujuan utama Prosper adalah bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan dengan menjadikannya mampu bagi mereka untuk memulakan perniagaan.

Melalui Prosper, ahli perniagaan berbakat boleh mendapatkan premis perniagaan, modal, pinjaman dan latihan bagi memulakan perniagaan runcit mereka.

Ia akan diselaraskan oleh pasukan petugas khas yang diketuai oleh Penasihat Khas Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Najib juga berkata walaupun skim itu bertujuan membantu ahli perniagaan Bumiputera, mereka tidak dibenarkan membuka kedai di kem-kem tentera kerana Koperasi Angkatan Tentera sudah beroperasi di situ.

Menurutnya anggota tentera yang bersara juga akan dibenarkan menyertai skim ini dan dengan seramai kira-kira 5,000 anggota yang bersara setiap tahun, peluang adalah besar untuk mereka memulakan hidup baru melalui perniagaan.

-- BERNAMA

SR AHH LAT RON